

KEJUARAAN SILAT SEDUNIA



4TH

WORLD SILAT CHAMPIONSHIP

1987

KUALA LUMPUR

2hb — 9hb Disember 1987
Di Stadium Negara

Anjuran Bersama

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan
Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia
Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa
Berita Harian Sendirian Berhad

300 sertai Kejohanan Silat Dunia

- 2 OCT 1987
KUALA LUMPUR, Khamis — Kira-kira 300 pesilat mewakili lebih 15 negara, termasuk dari benua Eropah, dijangka menyertai Kejohanan Silat Sedunia Keempat yang akan berlangsung di Stadium Negara, Kuala Lumpur 2 hingga 9 Disember depan.

Kejohanan itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) dan Berita Harian Sdn Bhd.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, dalam sidang akhbaranya mengumumkan kejuaraan itu hari ini, berkata setakat ini sebelas negara sudah mengesahkan penyertaan mereka.

Negara-negara itu ialah Belanda, Sepanyol, Turki, Surinam, Austria, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura, Thailand, Filipina dan Malaysia.

Manakala Switzerland, Belgium, Yugoslavia, Jerman Barat, Perancis dan Australia belum mengesahkan penyertaan mereka.

Menurut Datuk Sabba-

ruddin, kejuaraan itu menyediakan 60 pingat untuk dipertandingkan, iaitu 15 pingat emas, 15 perak dan 30 gangsa. Selain itu, enam piala rebutan juga disediakan.

Kejuaraan ini akan dipertandingkan mengikut kelas-kelas bagi lelaki dan wanita berdasarkan berat badan. Manakala had umur penyertaan ialah 17 hingga 35 tahun.

Selain daripada pertandingan silat, Festival Seni Silat dan Seminar Silat turut diadakan sepanjang kejuaraan ini. Festival Seni Silat dipersembahkan oleh pesilat dan sebuah piala puslingan disediakan.

Sementara Seminar Silat pula akan membahaskan 10 kertas kerja yang akan dibentangkan oleh pakar-pakar mengenai silat dari luar dan dalam negeri.

Katanya, kejuaraan itu bertujuan meningkatkan lagi imej silat sebagai warisan budaya negara dan serantau.

"Penerimaan antarabangsa terhadap silat terbukti apabila Austria menjadi tuan rumah kejuaraan ketiga di Vienna pada tahun lalu selepas dua kali diadakan di Jakarta," katanya.